

LEMBARAN KERJA BAHASA MELAYU (TAHUN 6)

TEMA: KEMAHIRAN MENULIS DIALOG

Nama: _____ **Kelas:** _____

Tarikh: _____

BAHAGIAN A: PADANKAN JAWAPAN YANG BETUL

Jenis Ayat		Contoh Ayat
1. Ayat Perintah (Larangan)	•	• Aduh, sakitnya perut saya!
2. Ayat Perintah (Permintaan)	•	• Wah, cantiknya lukisan pemandangan ini!
3. Ayat Seruan (Sakit)	•	• Tolong hantarkan buku ini ke bilik guru.
4. Ayat Seruan (Kagum)	•	• Jangan bermain di tepi jalan raya yang sibuk itu.

BAHAGIAN B: LENGKAPKAH DIALOG DI BAWAH

Cikgu Azhar: Haikal, (1)

(Bina Ayat Perintah - Permintaan: Minta Haikal kutip ranting kayu)

Haikal: Baik, Cikgu Azhar. Saya akan kutip sekarang juga.

Danish: (2)

_____ !

(Bina Ayat Seruan - Perasaan terkejut: Terlihat seekor ulat bulu yang besar pada ranting kayu)

Haikal: Kenapa, Danish?

Danish: Cuba kamu lihat pada ranting itu. Ada ulat bulu!

Cikgu Azhar: (3)

_____ ulat

bulu itu. Bahaya, nanti kulit kamu boleh menjadi gatal-gatal.

(Bina Ayat Perintah - Larangan: Larang mereka menyentuh ulat bulu)

Haikal: Terima kasih atas pesanan cikgu. (4)

_____ !

Mujur Cikgu Azhar cepat mengingatkan kami.

(Bina Ayat Seruan - Perasaan lega: Bersyukur kerana terselamat daripada bahaya)

BAHAGIAN C: BINA DIALOG KREATIF

Situasi: Dua orang sahabat melawat ke pameran sains dan teknologi. Mereka berasa amat kagum melihat sebuah robot pintar yang boleh bercakap.
